AI, Pekerjaan Masa Depan dan RMK13: REHDA Institute Perkukuh Kerjasama Universiti-Industri

Majalah Labur
September 29, 2026 8:35 am



PETALING JAYA: Tinjauan REHDA Institute Youth Initiative (RIYI) 2026 mendapati terdapat jurang antara jangkaan pelajar dan penilaian majikan terhadap tahap kesiapsiagaan graduan memasuki alam pekerjaan, sekali gus menunjukkan keperluan untuk memperkukuh kerjasama antara universiti dan industri ketika kecerdasan buatan (AI) mengubah kemahiran yang diperlukan daripada graduan baharu.

Tinjauan tersebut mendapati 41.6% responden pelajar menganggap tempoh antara satu hingga tiga bulan sebagai jangka masa yang realistik untuk graduan baharu mula memberi sumbangan bernilai kepada sesebuah organisasi, berbanding hanya 2.9% responden majikan yang berpandangan sama.

Walaupun 62.0% pelajar berpendapat bahawa universiti telah menyediakan mereka dengan baik untuk memasuki alam pekerjaan, hanya 32.3% majikan bersetuju bahawa universiti tempatan menyediakan graduan secukupnya untuk menghadapi realiti sebenar di tempat kerja.

Tinjauan tersebut merupakan sebahagian daripada laporan rumusan penutup RIYI 2026 yang merangkumi maklum balas daripada pelajar dan graduan baharu dari 21 universiti di Malaysia serta majikan. Tinjauan bersasar ini memberi gambaran mengenai jangkaan graduan dan perspektif majikan, namun tidak bertujuan untuk mewakili keseluruhan populasi di peringkat nasional.

Maklum balas tersebut turut memberi gambaran mengenai isu tenaga kerja yang diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026–2030 (RMK13).

Pelan itu menggariskan keperluan supaya program pendidikan tinggi diselaraskan dengan keperluan industri, di samping meningkatkan penglibatan aktif industri dalam pembangunan bakat. RMK13 turut menyasarkan purata pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.6% setahun bagi tempoh 2026 hingga 2030.

Laporan berkenaan dibentangkan kepada Menteri Ekonomi, YB Akmal Nasrullah Mohd Nasir, pada majlis penutup RIYI 2026 di Monash University Malaysia hari. Majlis itu turut menampilkan sesi *Town Hall* bertajuk *"Advancing Malaysia's ESG-Ready Built Environment: Connecting Government, Youth, Universities and Industry*
under RMK13."

Program RIYI menghimpunkan 50 pelajar daripada 15 universiti yang bekerjasama dengan RIYI, di samping pelajar daripada enam universiti lain, bersama pemimpin industri bagi memberi pendedahan secara langsung mengenai jangkaan di tempat kerja, pembangunan kerjaya, kepimpinan serta kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi yang semakin dipacu teknologi.



Foto berkumpulan pengarjur, mentor dan mentee REHDA Institute Youth Initiative bersama Menteri Ekonomi, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah, selepas penyampaian Laporan Rumusan RIYI 2026 "National Youth Talent & Employability Assessment" oleh Pengerusi REHDA Institute, Dato' Jeffrey Ng Tiong Lip.

RMK13 turut mencadangkan pelaksanaan skim latihan industri berbayar secara wajib serta pembelajaran yang lebih berasaskan permintaan industri menerusi kerjasama antara universiti awam dan sektor swasta.

Program bimbingan RIYI pula memberi pelajar satu lagi bentuk pendedahan awal kepada industri, dengan peluang untuk mendapatkan perkongsian pengalaman daripada golongan profesional, menerima maklum balas mengenai perancangan kerjaya mereka serta memahami dengan lebih jelas jangkaan sebenar di tempat kerja.

Fokus RIYI adalah selari dengan cabaran yang dihadapi golongan muda Malaysia dalam peralihan daripada pendidikan ke alam pekerjaan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia berusia 15 hingga 24 tahun berada pada 10.2% pada Jun 2026, berbanding kadar pengangguran nasional sebanyak 3.0%.

Pengerusi REHDA Institute, Dato' Jeffrey Ng Tiong Lip berkata kerjasama yang lebih erat antara universiti dan industri diperlukan bagi memberi pendedahan lebih awal kepada pelajar mengenai realiti sebenar alam pekerjaan.

"Kelayakan universiti merupakan asas yang penting, namun golongan muda juga perlu memahami bagaimana sesebuah organisasi berfungsi, bagaimana keputusan dibuat dan apakah yang diharapkan oleh majikan
daripada mereka.

"Di sinilah RIYI memainkan peranan penting dengan mendekatkan pelajar kepada industri melalui penglibatan secara langsung dan bimbingan mentor, di samping membantu mereka membangunkan pertimbangan, daya tahan, kemahiran komunikasi dan kebolehsuaian yang diperlukan untuk membina kerjaya yang mampan," katanya.

Ng berkata penglibatan bersama pemimpin industri turut memberi peluang kepada pelajar memahami pengalaman dan realiti di tempat kerja yang tidak dapat dipelajari melalui buku teks, sekali gus membantu mereka memahami perkara yang diperlukan untuk berkembang daripada seorang graduan baharu kepada pemimpin
masa hadapan.

Laporan RIYI turut mengetengahkan kesan AI terhadap peluang pekerjaan peringkat permulaan. Walaupun 76.4% responden pelajar menyatakan mereka menggunakan alat AI secara kerap, 50.0% majikan yang ditinjau menjangkakan AI akan mengurangkan jumlah jawatan peringkat permulaan yang mereka tawarkan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Laporan tersebut turut menunjukkan bahawa selain kemahiran digital, graduan juga perlu membangunkan pertimbangan praktikal, keupayaan menyelesaikan masalah dan kebolehsuaian.

RMK13 meletakkan AI dan pendigitalan sebagai antara teras peralihan ekonomi Malaysia serta menggariskan keperluan kerjasama antara sektor awam, industri dan akademia bagi melengkapkan bakat dengan kemahiran teknologi termaju.

Tinjauan tersebut menemukan persamaan pandangan antara pelajar dan majikan dalam aspek pembangunan kerjaya. Sebanyak 79.4% majikan bersedia menyediakan latihan berkualiti yang berstruktur serta laluan kerjaya yang jelas sebagai pertukaran kepada komitmen pekerja untuk kekal bersama organisasi bagi tempoh yang dipersetujui, manakala 67.6% pelajar bersedia menerima pengaturan sedemikian.

Ketelusan gaji dan pengekalan bakat turut dikenal pasti sebagai antara isu yang diberi perhatian. Dalam kalangan responden, 82.4% pelajar dan 58.3% majikan menyokong pendedahan julat gaji secara wajib dalam iklan pekerjaan, manakala 57.1% pelajar menyatakan mereka berkemungkinan atau sangat berkemungkinan akan bekerja di luar negara dalam tempoh lima tahun akan datang.

Tinjauan berkaitan gaji dan pengekalan bakat itu turut berkait dengan agenda pasaran buruh di bawah RMK13. Pelan tersebut menyasarkan peningkatan bahagian pampasan pekerja kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 40% menjelang 2030 serta menggariskan langkah untuk menentukan gaji permulaan graduan dan melaksanakan Dasar Gaji Progresif.

Laporan RIYI menambah perspektif pelajar dan majikan mengenai ketelusan gaji serta perkembangan kerjaya kepada perbincangan yang lebih luas ini.

Bagi tenaga kerja dalam sektor hartanah dan persekitaran binaan Malaysia, RMK13 menggariskan penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) secara lebih meluas, khususnya dalam pembangunan perumahan mampu milik, selain menggalakkan pemaju mendapatkan pensijilan *Green Building Index (GBI)*.

Keutamaan ini menunjukkan peningkatan keperluan terhadap tenaga profesional yang mampu mengaplikasikan teknologi dan prinsip kemampanan dalam pembangunan projek. RIYI memberi peluang kepada golongan muda untuk berinteraksi secara langsung dengan industri yang akan memainkan peranan dalam melaksanakan keutamaan tersebut.

Sesi akhir RIYI yang bertemakan *"Climbing the Career Ladder in the AI Era"* membincangkan kesan AI terhadap jawatan peringkat permulaan, produktiviti, proses membuat keputusan serta keupayaan yang diperlukan daripada pemimpin masa hadapan.

Para peserta turut mengikuti klinik *AI-Augmented Judgment and Strategic Value serta Leadership Influence and Stakeholder Management* sebelum membentangkan *Three-Year Career Mastery Blueprint* masing-masing untuk mendapatkan maklum balas daripada mentor industri.

Program tersebut diakhiri dengan kelas induk rundingan dan pengaruh yang merangkumi komunikasi di tempat kerja, pengurusan tarikh akhir, perkembangan kerjaya, perbincangan mengenai gaji serta pengurusan
jangkaan profesional.

RIYI 2026 menghimpunkan pelajar daripada lebih 21 universiti di seluruh Malaysia, sekali gus mencerminkan kepelbagaian institusi pendidikan tinggi negara. Antara universiti yang diwakili ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT), INTI International College, HELP University, UCSI University, University of Wollongong Malaysia (UOW Malaysia), Taylor's University, Monash University Malaysia, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR),Sunway University, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Utara Malaysia (UUM), International Islamic University Malaysia (IIUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

REHDA Institute menyasarkan untuk membangunkan RIYI sebagai platform jangka panjang yang menghubungkan universiti, majikan dan bakat muda, di samping membawa perspektif industri dalam usaha memperkukuh kebolehpasaran graduan serta pembangunan tenaga kerja masa hadapan Malaysia.